

18 JUN 1999

Mahathir-Kerja

DR MAHATHIR KETIK KAD PERAKAM KALI TERAKHIR DI PEJABAT KL

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengetik kad perakam waktu kerjanya buat kali terakhir di pejabat lama beliau di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Jalan Datuk Onn, di sini.

Mulai Isnin ini Dr Mahathir akan mengetik kadnya di pejabat barunya di Putrajaya.

Hari ini (Jumaat) Dr Mahathir yang mengenakan sepasang pakaian Melayu coklat muda, masuk kerja pukul 7.57 pagi dan selepas meneliti dan menandatangani beberapa dokumen, beliau mengetik kadnya untuk keluar pukul 8.49 pagi.

Beliau kemudian ke Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) untuk menghadiri Perhimpunan Agung Umno dengan diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang memakai sepasang baju kurung merah-putih.

Doa selamat dibacakan oleh seorang kakitangannya selepas Dr Mahathir mengetikkan kad perakam waktunya untuk keluar. Sebelum itu, beliau dan isterinya bergambar dengan kakitangan beliau di pejabatnya.

"Saya telah menghadiri mesyuarat Kabinet di sini selama 25 tahun sejak masa (Perdana Menteri kedua allahyarham) Tun (Abdul) Razak (Hussein) ... jadi ada banyak kenangan," katanya kepada Bernama semasa beliau meninggalkan pejabat lamanya itu.

"Dan, saya amat berharap bahawa kita akan kekalkan (tempat) ini kerana ia mempunyai pertalian bersejarah dengan kerajaan Malaysia sejak negara merdeka iaitu dari masa Tunku," katanya.

Tidak syak lagi ia mempunyai kepentingan sejarah yang boleh dipelajari oleh generasi akan datang, kata beliau.

"Saya harap generasi kita akan datang dapat belajar darinya agar mereka menghargai sejarah mereka, asal mereka dan tokoh-tokoh seperti (Perdana Menteri pertama) Tunku (Abdul Rahman Putra), Tun Razak dan (Perdana Menteri ketiga) Tun Hussein Onn yang telah banyak berjasa kepada negara," katanya.

Dr Mahathir berharap orang ramai akan sentiasa mengingati tempat itu sebagai pejabat pertama Kerajaan Persekutuan.

Ditanya sama ada beliau berasa sentimental dan nostalgik mengenainya, Perdana Menteri mengaku beliau merasainya.

"Ya, saya tahu... saya merasainya kerana saya begitu biasa dengan tempat ini, tempat yang saya datang setiap pagi dan tidak pernah gagal datang kerja pada pukul 8 pagi dan mengetik kad perakam waktu kerja saya," kata beliau.

Perdana Menteri berkata di pejabat barunya di Putrajaya beliau diberikan sedikit kelonggaran kerana beliau akan mula bekerja pukul 8.15 pagi.

-- BERNAMA

MNY RHM NMO